

02 APR 2002

Parlimen-Mahathir

'JAMBATAN DR MAHATHIR' JADI TANDA TANYA WAKIL DAP

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini, yang memang ditunggu-tunggu oleh semua wakil rakyat, mendorong seorang anggota DAP untuk bertanya sama ada jambatan kedua Pulau Pinang akan dinamakan "Jambatan Dr Mahathir" sebagai menghargai jasa Perdana Menteri.

Soalan Chow Kon Yeow (DAP-Tanjong) yang ditujukan kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S.Samy Vellu, ternyata mencuit hati Dr Mahathir yang kelihatan tersenyum dengan cadangan itu.

Semasa menjawab soalan Chow itu, Samy Vellu berkata : "Itu saya letak dalam tangan Yang Amat Berhormat (Perdana Menteri). Biasanya Yang Amat Berhormat tidak terima nama seperti itu tapi di sini tidak tahulah...Saya ingat (beliau) tidak terimalah," katanya Samy Vellu sambil ketawa.

Mengenai tol bagi laluan itu, Menteri Kerja Raya itu berkata pembinaan jambatan itu memakan belanja yang tinggi dan kerana itu tol akan dikenakan.

Bagaimanapun, katanya, kadar tol yang dikenakan tidak sama dengan Jambatan Pulau Pinang sekarang.

Beliau juga berkata bahawa berdasarkan perjanjian, kadar tol di jambatan sekarang sudah patut dinaikkan dua kali tetapi ia tidak dilakukan kerana kerajaan menjaga kepentingan rakyat Pulau Pinang.

Terdahulu semasa menjawab soalan Chow mengenai perkembangan terbaru jambatan kedua negeri itu, Samy Vellu berkata Kementerian Kerja Raya sedang menunggu kelulusan Kementerian Kewangan mengenai pelantikan perunding.

Katanya tapak bagi projek itu sudah dikenal pasti malah kerja ujian tanah bagi jambatan sepanjang 24km itu sudah selesai.

Mengenai Jelutong Expressway, beliau berkata sehingga Februari lepas, kemajuan sebenar fizikal projek Fasa 1 siap 55 peratus dan antara kerja yang telah selesai ialah pembersihan tapak, pengorekan tapak sampah dan kerja pengukuhan tanah manakala kerja tebus guna dan pembinaan jambatan sedang giat dijalankan.

Keseluruhan Fasa 1 Jelutong Expressway dijangka siap Disember tahun ini.

-- BERNAMA

HS HS MAI